

## **KEHIDUPAN MUHAMMAD IQBAL DAN GAGASAN SASTERA ISLAM**

### *THE LIFE OF MUHAMMAD IQBAL AND ISLAMIC LITERATURE*

Adli Yaacob<sup>1</sup>, Farrah Syafiqah Mohd Fadzil<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa  
Email: adlihy@iium.edu.my

<sup>2</sup> Pelajar Peringkat Sarjana di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 15.01.2022

Revised date: 20.02.2022

Accepted date: 15.03.2022

Published date: 31.03.2022

##### **To cite this document:**

Yacob, A., & Fadzil, F. S. M. (2022). Kehidupan Muhammad Iqbal Dan Gagasan Sastera Islam. *International Journal of Modern Education*, 4 (12), 50-58.

**DOI:** 10.35631/IJMOE.412005

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



#### **Abstrak:**

Artikel ini berkenaan penyair mashur Pakistan Muhammad Iqbal. Beliau merupakan seorang tokoh yang ulung di abad ini. Namanya sahaja cukup menggambarkan kehebatanya lantaran ramai tokoh tokoh yang datang selepasnya terpengaruh dengan idea ideanya. Apabila di amati secara keseluruhan kehidupanya; perjalanan hidupnya dalam menuntut ilmu, perjuangan hidupnya dalam menentang arus sekuler barat dan menetapkan prinsip kefahaman Islam dalam suasana tradisi dan moden seakan beliau adalah satu contoh peribadi yang sempurna sebagai 'sasterawan Islam'. Beliau tidak menyebut istilah sastera islam secara khusus tetapi setiap bait puisi dan prosa nya adalah cerminan fikrah keislaman yang jitu. Beliau menyanggah fikrah sekuler barat dan komunis dengan kekuatan intelektualnya. Dalam satu analogi, beliau mengatakan seolah olahnya beliau berperanan seperti Nabi Ibrahim (a.s) tidak terbakar dengan api Namruz, beliau tidak terpengaruh dengan budaya barat, bahkan mampu mengawal dan menjawab beberapa persoalan barat tentang Islam. Iqbal percaya bahawa seni adalah ungkapan ikhlas yang lahir dari jiwa nurani seseorang. Jesteru, seni mempunyai kekuatan nilai untuk mendidik insan lain. Selanjutnya, Iqbal menegaskan bahawa seni yang paling tinggi ialah yang mampu menyedarkan manusia seterusnya memupuk semangat untuk bangkit menghadapi pancaroba kehidupan.

#### **Kata Kunci:**

Budaya Barat, Falsafah Islam, Sajak, Seni Islam, Sekuler

<sup>1</sup> Beliau merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa.  
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

**Abstract:**

This article is about the famous Pakistani poet Muhammad Iqbal. He is a leading figure of this century. His name alone is enough to describe his greatness because many of the leading figures who came after him were influenced by his ideas. When looking into his life comprehensively; his life journey in seeking knowledge, his life struggle in resisting western secular trends and setting the principles of Islamic understanding in a traditional and modern setting as if he were a perfect individual example as an ‘Islamic writer’. He does not specifically mention the term Islamic literature but every stanza of his poetry and prose is a precise reflection of Islamic thought. He contradicted western and communist secular thoughts with his intellectual strength. In one analogy, he says that his action is like the Prophet Ibrahim (a.s) who was not burned by the fire of Namruz; he was not influenced by western culture and was even able to gain control and answer some western questions about Islam. Iqbal believes that art is a sincere expression of one’s conscience. Thus, art has the power of values to educate other human beings. Furthermore, Iqbal stressed that the highest form of art is that which is able to awaken human beings and further cultivate the spirit to rise up to face the trials of life.

**Keywords:**

Western Culture, Islamic Philosophy, Poetry, Islamic Art, Secular

**Pendahuluan**

Muhammad Iqbal<sup>2</sup> telah menyumbangkan idea pemikirannya dalam pelbagai aspek pemikiran Islam. Kesemua karya beliau samaada dalam bidang puisi dan falsafah bertujuan membawa muslim (مسلم) keluar dari kemunduran dan mengatasi sikap konservatif serta kepasifan dalam kehidupan bagi menghadapi cabaran-cabaran di dunia moden. Sehingga pada hari ini, idea pemikirannya yang luas masih dikaji dan diselidiki oleh kebanyakan pengkaji dan sarjana di seluruh dunia. Para sarjana di Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menerbitkan karya ilmiah mengenai pelbagai aspek pemikiran Iqbal.

Satu kajian tentang tema-tema pemikiran Iqbal telah dijalankan. Sebanyak 15 tema ilmu dan diklasifikasikan daripada 25 karya ilmiah mengenai pemikirannya ialah biografi, pendidikan, masyarakat, politik dan kenegaraan, ijтиhad, pembaharuan, kebudayaan, penyatuan ummah(امّة), sastera, sains, tafsir, kebangkitan Islam, tamadun, epistemologi, dan mistisisme. Kajian berdasarkan tema-tema pemikiran ini masih belum diselidiki secara terperinci oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, kajian berbentuk kualitatif ini bertujuan mengenal pasti tema-tema utama pemikiran Iqbal yang terbukti masih ideal dan relevan serta penting untuk dimanfaatkan oleh umat Islam khususnya di Malaysia. Hasil daripada kajian ini menunjukkan tema “sastera”

<sup>2</sup> Muhammad Iqbal dilahirkan di Sialkot, Punjab, Pakistan pada tahun 1873M = 1289H, beliau berasal daripada keluarga muslim yang taat kepada agama Islam. Beliau telah menghafal Al-quran semenjak kecil dan mendapat pendidikan awal di Maktab (madrasah) untuk belajar al quran. Beliau melanjutkan pelajaran di Scottish Mission School di Sialkot. Di sini beliau bertemu dan belajar dengan Mir Hasan, seorang ulama sufi yang kelak memberi pengaruh dalam perkembangan pemikiran dan kepribadiannya. Kemudian Iqbal melanjutkan pendidikannya ke Government College di Lahore dan berguru dengan Sir Thomas Arnولد yang telah memperkenalkannya dengan pemikiran Barat, dan seterusnya beliau melanjutkan pelajarannya ke Jerman untuk mengambil gelaran Doktor Falsafah(Ph.D.). Selepas pulangnya ke tanah airnya, beliau menceburi dalam bidang politik dan falsafah, beliau dipilih sebagai Ahli Majlis Perundangan dan akhirnya menjadi Presiden Negara Republik Islam Pakistan. Beliau meninggal dunia pada 20 Februari 1357 AH, 21 April 1938.

adalah tema yang paling banyak diterbitkan dan menjadi pilihan para sarjana dalam kajian mereka berkaitan pemikiran Iqbal di Malaysia. Sekiranya ditinjau, tema “sastera” menjadi trend dan popular melebihi tema-tema yang lain kerana Iqbal yang sememangnya diketahui umum sebagai penyair ahli falsafah yang unik dan berbakat. Bagi Muhammad Uthman, Iqbal ialah seorang pemikir dan penyair yang berkaliber tinggi. Gubahan sastera Iqbal mampu mempengaruhi para pembaca merasai keindahan di dalam puisinya. Kemudian para pembaca berkeinginan pula untuk menjadikan keindahan tadi wujud di dalam jiwa mereka.<sup>3</sup>

Selain itu, Iqbal ialah seorang penyair yang mempunyai pemikiran intelektual, (intellectual conception) dan ekspresi gerak hati (intuition expression) di mana maksud dalaman lebih mendominasi daripada bentuk luaran syair. Sehubungan dengan itu, Iqbal telah memberi sumbangan yang banyak dalam memberi kesedaran agama kepada umat Islam. Ini dapat dilihat melalui ekspresi Iqbal yang memilih untuk tidak mengalah kepada idea panteisme, idea imaginasi yang melampau. Sebaliknya, beliau melihat peranan dalam imaginasi, kepentingan dan gerak hati dalam mewujudkan cinta yang teramat kepada Allah SWT dalam diri manusia<sup>4</sup>. Ini membuktikan pemikiran Iqbal sentiasa menekankan isu-isu penting umat Islam di dalam puisinya. Segala sastera dan keindahan yang wujud dalam puisi beliau menjelaskan kepada kita bahawa idea dan falsafah beliau telah diangkat dan diiktiraf oleh dunia sastera Islam dan menjadikan karya beliau antara karya yang terbaik dan terkesan kepada pembaca.

### Konsep Seni Dan Keindahan Sastera

Kebiasaannya, maksud seni (art) adalah untuk menunjukkan kepada semua perbuatan yang dilakukan atas dasar sesuatu yang indah. Secara umumnya, ada dua pemikiran atau aliran berkaitan dengan seni ini. Pertama, fungsional iaitu seni harus mempunyai fungsi dan tujuan-tujuan tertentu yang umumnya berkaitan dengan moral. Aliran ini dipelopori oleh Plato, Aristotle, Bernard Shaw, Saint Augustine dan tokoh psikologi Freud. Menurut Freud, tujuan seni adalah untuk membebaskan fikiran seniman atau penikmat seni dari ketegangan dengan memuaskan keinginan-keinginan yang tertahan.<sup>5</sup> Kedua, ekspresional yakni suatu pemikiran yang menyatakan bahawa seni tidak mempunyai tujuan dan tidak mengejar tujuan di luar dirinya, kecuali tujuan dalam dirinya sendiri. Slogannya yang terkenal ialah “seni untuk seni” yang bermaksud seni bersifat otonom mempunyai daerah sendiri dan kelengkapan sendiri tidak bergantung pada daerah yang lain. Gerakan ini merupakan warisan kaum Romantisisme di Perancis yang dipelopori oleh Flaubert, Gautier dan Baudelaire, di Inggeris oleh Water Peter dan Oscar Wilde, di Rusia oleh Pushkin, dan di Amerika oleh Edgar Allan Poe. Iqbal mempunyai pandangan yang tersendiri tentang seni dan keindahan dengan fahamannya yang tertentu sehingga menjadikan hidupnya penuh dengan semangat perjuangan.

Dalam pemikiran falsafah Iqbal, seni bukan sekadar gagasan intelektual atau berbentuk estetika dan bukan juga sekadar pemikiran yang lahir berdasarkan kandungan emosi sehingga mampu menggetarkan manusia malah maksud seni adalah lebih daripada ini. Iqbal telah memberi kriteria yang tertentu pada karya seni. Pertama, seni ialah ciptaan manusia yang berfikiran kreatif tetapi masih berfikir sekadar tahap sebagai ciptaan Tuhan dan tidak melampaui batas fikiran. Ini sesuai dengan pandangan Iqbal tentang hidup dan kehidupan. Menurutnya, hakikat hidup ialah kreativiti kerana dengan sifat inilah Tuhan sebagai Sang Maha Hidup mencipta dan

<sup>3</sup> Isa, Siti Maryam, & Idris, Muhammad Razak, 2017, Tema-Tema Pemikiran Muhammad Iqbal dalam Penyelidikan Ilmiah Tinggi di Malaysia, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah: KUIS, pp141-145.

<sup>4</sup> Ibid p 145.

<sup>5</sup> Ibid, p 5.

mengerakkan alam semesta. Selain itu, hidup manusia pada dasarnya tidaklah terpaksa melainkan sukarela sehingga harus mempunyai kreativiti untuk menjadikannya bermakna. Kerana itu, menurut Iqbal dunia bukan sesuatu yang hanya perlu dilihat atau dikenali tetapi sesuatu yang harus dibentuk dengan tindakan-tindakan yang nyata.<sup>6</sup>

Konsep dan keindahan seni Iqbal hampir sama dengan teori seni Benedetto Croce (1866-1952M), seorang pemikir Itali yang sezaman dengan Iqbal. Menurutnya, seni ialah kegiatan kreatif yang tidak mempunyai tujuan dan juga tidak mengejar tujuan tertentu kecuali keindahan itu sendiri, sehingga tidak berlaku kriteria kegunaan, etika dan logika. Kegiatan seni hanya merupakan penundukkan perasaan-perasaan seniman, visi atau intuisinya mengikut bentuk yang tertentu dan kandungan isinya. Jika kefahaman hasil seni ini sampai kepada pembaca, maka ini menunjukkan keadaan pembaca itu sama dengan apa yang dilalui oleh seniman itu. Iqbal juga menyatakan seni merupakan ekspresi diri atas pengalaman individu (intuitif) tersebut dalam mengharungi kehidupannya.<sup>7</sup>

Kesimpulannya, mengikut pandangan Iqbal seni ialah mahkota seniman. Penghayatan seseorang seniman terhadap keindahan akan menimbulkan cinta yang mendalam. Dalam menyampaikan tugasnya, seorang seniman harus jujur dan bersungguh-sungguh dalam berkarya. Oleh sebab itulah, karya-karya Iqbal merupakan ekspresi perasaannya sendiri dan bukan hanya sekadar mewakili luaran daripada dirinya. Selain itu, seni dapat difahami melalui kesusasteraan sebagai karya indah yang berasal dari seorang yang bijak dan kreatif yang pernah mengalami dan memahami masalah-masalah yang wujud dalam kehidupannya dan berusaha untuk menanganinya dengan menggunakan seni yang membawa harapan, dorongan, motivasi dan inspirasi. Oleh itu, pemilik seni harus bersedia sebelum menghasilkan karya seninya, dan ia tidak berlaku secara spontan kerana seni yang indah ialah seni yang memberi kesenangan kepada manusia dan pada masa yang sama menjadi panduan, memberi ilham dan memberi galakan dalam menghadapi kesulitan hidup. Oleh itu, seni yang datang secara spontan tidak dapat menyempurnakan matlamat untuk dicapai, memberi kesenangan kepada manusia dan menjadi prinsip dan panduan kepada manusia.<sup>8</sup>

### Fungsi-Fungsi Seni

Iqbal telah menggariskan beberapa fungsi seni, antaranya ialah seni harus menciptakan kerinduan dalam hidup seseorang kerana tujuan seni ialah bagaimana untuk mencorakkan hidup itu sendiri dengan berlandaskan hukum dan tujuan Tuhan menciptakan manusia itu sendiri. Seni ialah sesuatu yang sangat berharga dalam prestasi kehidupan seseorang sehingga dia harus menghargai dan memeliharanya agar dia dapat menggunakan seni sebagai petunjuk dan berada di landasan yang benar. Selain itu, seni juga merupakan sebagai penanda pembinaan manusia. Seorang seniman haruslah menanam semangat keberanian ke dalam hati pembaca dengan menggunakan daya magis seni untuk melahirkan manusia yang bermoral dan berwawasan melalui seni. Misalnya, muzik seharusnya dapat menimbulkan semangat juang dan mendorong keberanian serta mengilhamkan perbuatan yang gagah dan berani, atau membuat manusia berlaku adil dan sederhana serta menghormati Tuhan sekalian alam dengan dipandu akal yang sihat untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut. Dengan seni juga, ia dapat membina kemajuan sosial. Seorang seniman menurut Iqbal ialah sebagai penguat sesuatu

<sup>6</sup> Ibid, p5

<sup>7</sup> Ibid, p6-7

<sup>8</sup> نجيب الكيلاني، 1959 ، إقبال الشاعر التأثر، الشركة العربية للطباعة والنشر: القاهرة، ط1، د.ص

bangsa kerana melalui kekuatan seni, seniman mampu untuk meninggikan dan menegakkan agama serta mampu menaikkan semangat jihad masyarakat. Apalah erti karya seni jika ia tidak dapat membangkitkan badi emosi di dalam masyarakat.<sup>9</sup>

### Iqbal dan Kesusasteraan

Apabila merungkai tentang kesusasteraan Iqbal ini bukanlah tanggungjawab yang remeh. Malahan percubaan untuk meneroka hasil kerja filosof Islam yang ulung ini merupakan amanah yang wajib untuk dituruti.

Iqbal juga menulis puluhan, malah ratusan naskhah kesusasteraan yang menampilkan puisi yang ditulis oleh beliau. Buku puisi pertama Iqbal, Asrar-E-Khudi – Secret of The Self, yang siap diterbitkan pada tahun 1915 memperlihatkan kehebatan Iqbal di dalam aliran kepujanggaan beliau. Menurut RA Nicholson, penterjemah Asra-e-Khuddi ke dalam bahasa Inggeris, gaya bahasa dan metafora yang disampaikan Iqbal mengandungi unsur-unsur ketaqwaan dan spiritual ketuhanan yang tinggi. "Khudi" dirujuk sebagai keperibadian, dimana perkataan khudi sinonim terhadap perkataan ruh yang diungkap di dalam al Quran. Syair ini bertemakan hubungan manusia dan masyarakat yang menekankan persoalan eksistensialisme di dalam kesusasteraan.

Malah Iqbal sering dibandingkan bersama-sama sang pujangga besar India, beliau juga pemenang anugerah novel kesusasteraan pada tahun 1913, Rabindranath Tagore (1861-1941) yang menulis Gitanjali, magnum opus-nya yang menampilkan kompilasi seratus lima puluh tujuh syair-syair Tagore dan diterbitkan oleh Indian Society of London pada Ogos 1910. Selain daripada Asrar-e-Khudi, Iqbal menghasilkan karya-karya kesusasteraan Parsi seperti Rumuz-I-Bhekudi (1918), Zabur-I-Ajam (1927) dan kesusasteraan Urdu seperti Bang-I-Dara (1924), Bal-I-Jibril (1936) dan Zarb-i Khalim (1936). Lantaran itulah, beliau juga digelar "Iqbal of Lahore" hasil daripada kerja-kerja kesusasteraan yang dilakukan oleh beliau.

### Pendirian Muhammad Iqbal Tentang Sastera Islam

Matlamat utama segala amal perbuatan manusia adalah untuk memperoleh kebahagiaan dalam hidup, kekuatan, dan manfaat. Semua agama dan bangsa sama dalam mencapai objektif ini. Nilai semua perkara mesti dikaitkan dengan faedah kehidupan. Ia adalah seni yang paling berharga yang dapat membangkitkan manusia untuk pembangunan dirinya serta mendorongnya untuk menghadapi kehidupan dan memperkuatnya untuk menghadapi malapetaka dan kesusahan hidup. Semua ini membawa kita untuk hidup dalam kehidupan yang sebenar bahawa kehidupan di dunia ini adalah sementara dan kepada Allah segala urusan dikembalikan. Selain itu, dakwaan seni untuk seni adalah faktor yang membawa kepada kedustaan dan kelemahan dalam kehidupan<sup>10</sup>.

Ini menandakan pendiriannya yang jelas tentang kesusasteraan Islam dan objektifnya, yang menunjukkan bahawa kesusasteraan mesti membawa faedah-faedah untuk kehidupan manusia supaya ada matlamat hidup yang jelas dalam mengharapkan keredhaan Allah. Beliau juga

<sup>9</sup> Ibid, pp 7-8.

<sup>10</sup> محمد توفيق بن عبد الطالب. 2012، انعكاسات مفهوم الأدب الإسلامي عند نجيب الكيلاني على روایي "عبارات الحب" و "صوت المسبيحة" الملايوين، (بحث متطلب لنيل درجة الماجستير في اللغة العربية وآدابها (الدراسات الأدبية)، كلية معارف الوحي والعلوم الإنسانية الجامعية الإسلامية العالمية بمالزريا، د.ص

menegaskan bahawa kesusasteraan dan kehidupan tidak boleh dipisahkan kerana mereka serasi antara satu sama lain. Walaupun dia tidak memanggil istilah kesusasteraan Islam pada zamannya, tetapi dia membawa beberapa rujukan kepada kesusasteraan Islam. Kesusasteraan yang boleh diterima oleh Iqbal adalah kesusasteraan yang bersifat sosial dan berfungsi sebagai komuniti dalam membangkitkan, menggalakkan dan menanamkan semangat untuk memperolehi kebahagiaan di dunia dan akhirat<sup>11</sup>.

Kesimpulan kepada pengenalan kesusasteraan Islam, sesungguhnya Iqbal mengambil berat tentang apa yang memberi manfaat dari karya sastera. Manfaat ini adalah menjadikan seseorang yang tenang dan membantunya dalam menghadapi ujian hidup dan mencari kemajuan dan kejayaan di dalamnya. Ini adalah sesuatu yang indah kerana kesusasteraan bukan hanya perantaraan untuk keseronokan, bahkan ia menggerakkan seseorang sehingga bangun daripada mimpi dan mendorongnya menjadi aktif untuk maju dalam kehidupan dunia dan akhirat.

### Sumber Rujukan Sastera Islam

Rahsia kejayaan dan kekuatan Muhammad Iqbal bersumber daripada al Quran dan al Sunnah (السنّة) iaitu dua sumber terbesar yang terbukti mampu mengubah dunia. Kitab suci al Quran telah menuntunnya kepada kesedaran dan keinsafan yang mendalam dalam jiwanya. Iqbal sudah terdidik dalam suasana keluarga yang mengutamakan aspek spiritual. Hidupnya ketika kecil telah disirami dengan pendidikan dasar dan keislaman yang kuat melalui bimbingan kedua orang tuanya yang taat dan kuat berpegang teguh kepada disiplin yang beragama. Setiap kali selesai sahaja solat subuh, Iqbal akan membaca al Quran. Pernah suatu hari, ayahnya berkata, "Wahai Iqbal, bacalah al Quran seolah-olah diturunkan untukmu!" Kemudian Iqbal menjawab, "Wahai ayah, sesungguhnya aku merasakan seolah-olah al Quran berbicara denganku."


Hasilnya, elemen spiritual inilah yang banyak mempengaruhi karya-karya beliau dalam penulisan kreatif terutamanya dalam bidang sastera Islam. Oleh sebab itu, tidak hairanlah sebagai seorang pemikir beliau memasukkan dimensi spiritual dalam khazanah pemikiran Islam kerana beliau tahu kemuncak daripada segala yang dicintai ialah kecintaan kepada Allah SWT dan kekasih-Nya nabi Muhammad SAW. Dengan penerapan agama yang tinggi beliau mempunyai semangat yang luar biasa dalam menangkis serangan Barat dan memperjuangkan hak-hak masyarakat Islam India yang bertubi-tubi mendapat tekanan dari Inggeris pada saat itu. Biarpun Iqbal dibesarkan dalam tradisi intelektual Barat namun beliau tidak menjadikan sistem Barat sebagai model ikutan. Tetapi tidak pula bermakna beliau anti-Barat. Beliau berpendapat, umat Islam harus mengambil daripada Barat ilmu pengetahuan dan kemajuan teknologinya sebagai medium penyebaran Islam.

Selain itu, beliau menjadikan sejarah Islam yang terdahulu sebagai sumber inspirasi dan pedoman agar penyebaran Islam dapat direalisasikan di bumi Pakistan. Semangat Islam menjadi simbol kekuatan beliau yang tidak pernah kenal erti penat lelah dalam memperjuangkan nasib rakyat Pakistan kerana baginya pengorbanan yang dilakukannya tidak setanding dengan apa yang diperjuangkan oleh nabi Muhammad SAW, sahabat-sahabat dan para tabiin (تابعین) sebelumnya. Disebabkan itulah, sejarah Islam adalah salah satu sumber yang

<sup>11</sup> Ibid, p11

paling bersemangat dalam puisi Iqbal kerana semangat jihad ini harus disebarluaskan sebagai pembakar semangat orang Islam dalam meninggikan syiar Islam.

**GAMBAR RAJAH DI BAWAH MUNGKIN MEMUDAHKAN KITA  
UNTUK MEMAHAMI KONSEPINI:**



### Kesimpulan dan Penutup

Dalam mencari konsep sastera Islam, telah jelas bahawa Iqbal ialah salah seorang tokoh besar yang boleh dijadikan contoh. Iqbal bukan hanya semata-mata kepunyaan Pakistan, tetapi juga kepunyaan seluruh dunia Islam. Semakin dunia sedar akan kemurnian Islam, semakin terasa kebenaran pendapat dan falsafah Iqbal yang disampaikan melalui syair-syairnya dan terasa dekatnya Iqbal itu dengan diri kita. Rahsia kejayaan dan kekuatan Iqbal berteraskan pada al Quran dan al Sunnah iaitu dua sumber yang terbukti mampu mengubah dunia dan telah disaksikan sepanjang sejarah manusia.

Prof. M.M. Sharif ada mengatakan “Syair-syair dan falsafah Iqbal ialah kedua-duanya hebat sekali. Syairnya telah menjadi demikian kerana falsafahnya, dan falsafahnya telah menjadi demikian kerana syairnya. Pada Iqbal falsafah dan syair itu tidak dapat dicerai-pisahkan, telah disatupadukan...”<sup>12</sup>. Memang tidak diragukan, beliau seorang yang kreatif berpuisi yang banyak menghasilkan karya tentang falsafah Islam, kemegahan Islam dan kebudayaan Islam. Segala pemikiran dan perjuangannya terpancar dalam puisinya yang bernaafaskan Islam dengan pengolahan bahasa dan bait syair yang indah. Oleh kerana itu beliau lebih dikenali sebagai sasterawan besar Islam.

Konsep yang diketengahkan beliau melalui seni merupakan mahkota bagi seorang pujangga. Penghayatan seorang pujangga terhadap keindahan akan menimbulkan cinta yang mendalam. Segala perasaan, idea, pengalaman dan emosi yang diluahkan di dalam karya akan membangkitkan perasaan pembaca untuk menghayatinya lantaran isi yang dilontarkan semua berkisar tentang perjuangan Islam yang berteraskan al Quran dan al Sunnah. Melalui karya tersebut, ia akan menaikkan semangat juang dan roh islam ke dalam diri pembaca kerana prinsip Iqbal karya sastera Islam ialah apabila karyanya dapat memberi manfaat, memperoleh keredhaan Allah dan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat kepada pembaca. Iqbal sebenarnya sangat mengimpikan suatu dunia yang diperintah oleh ad Din (الدين) bukan politik yang menuruti ajaran-ajaran barat, tetapi oleh politik yang berdasarkan al Quran dan al Sunnah. Impian Iqbal itu sebagai babak permulaan dengan lahirnya Republik Islam Pakistan walaupun isinya masih jauh daripada apa yang diimpi-impikan oleh Iqbal sendiri.

Sesungguhnya sumbangan besar Iqbal ialah apabila beliau dianggap sebagai bapa pembentukan negara Islam Pakistan yang bebas merdeka daripada India. Selain itu, dalam kesusasteraan Parsi Iqbal diiktiraf sebagai salah seorang penyair modennya. Manakala dalam kesusasteraan Urdu beliau dianggap sebagai penyair agung pada abad ini oleh penutur bahasa Urdu baik di Pakistan mahupun di India. Banyak puisinya menjadi madah dan kata-kata hikmat. Iqbal terus memperjuangkan nasib orang Islam melalui penulisan puisinya sehingga beliau meninggal dunia.

## Bibliografi

Bahasa Melayu:

- Isa, Siti Maryam, & Idris, Muhammad Razak, 2017, **Tema-Tema Pemikiran Muhammad Iqbal dalam Penyelidikan Ilmiah Tinggi di Malaysia**, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, IV, 2017), (1): KUIS.  
Kailani, Najib, (n.d), **Iqbal Penyair yang Berpengaruh**.  
Raliby, Osman, 1983, **Pembangunan Kembali Alam Pikiran Islam**, n.c: n.p,  
Soleh, A. Khudori, n.d, **Konsep Seni dan Keindahan Muhammad Iqbal**, Dosen Fak, Psikologi: UIN Matang.

<sup>12</sup> Raliby, Osman, 1983, **Pembangunan Kembali Alam Pikiran Islam**, n.c: n.p, p19-20  
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Bahasa Arab:

1. نجيب الكيلاني، 1959، إقبال الشاعر الثائر، الشركة العربية للطباعة والنشر: القاهرة، ط.1.
- على روائي "عبارات الحب" و "صوت 2. محمد توفيق بن عبد الطالب، 2012، انعكاسات مفهوم الأدب الإسلامي عند نجيب الكيلاني الماجستير في اللغة العربية وأدابها (الدراسات الأدبية)، كلية معارف الوحي والعلوم الإنسانية المسجحة" الملايوبيتين، . (بحث متطلب لنيل درجة الجامعة الإسلامية العالمية بมาيلزيا).

**Internet:**

1. (n.d.). Retrieved from <https://irfront.net/post/articles/iqbal-dan-pemikiran-reformis-ii/>
2. (n.d.). Retrieved from <http://pena-mylife.blogspot.my/2012/04/biografi-muhammad-iqbal.html>